

# **DEFINISI REMAJA DAN PEMBENTUKAN KONSEP KENDIRI DALAM HUBUNGANNYA DENGAN KELUARGA**

## **(Part 5)**

Azizi Hj Yahaya

### **b. Konsep Kendiri Negatif**

Harga diri yang rendah menyebabkan individu mempunyai konsep kendiri yang negatif seperti merasa murung, sedih dan bertingkah laku negatif seperti hilang keyakinan dan hala tuju dalam hidup, ketidakpuasan, hilang semangat dan boleh mengakibatkan pelbagai masalah tingkah laku. Di samping itu, individu itu juga akan mudah putus asa apabila menemui kegagalan. Lama-kelamaan, dia akan bersikap pasif dan tidak lagi mahu berusaha. Mereka kurang jelas berkenaan konsep kendiri. Menurut Kernis, Brocker, dan Frankel (1989), mereka sentiasa memikirkan sesuatu yang buruk atau tidak baik pada diri mereka, sentiasa menetapkan sasaran yang tidak wujud ataupun tidak mungkin dicapai dan bersikap pesimistik dengan masa depan, bertingkah laku buruk ataupun beremosi pada pendapat, pandangan ataupun kritikan orang lain. Sebagai contoh, sekiranya individu gagal dalam menyelesaikan masalah, dia cenderung membuat penilaian negatif pada diri sendiri. Mereka akan berputus asa dan hilang keyakinan. Tetapi, apabila berjaya menyelesaikan masalah ataupun mendapat pujian, dia akan berasa bangga dan harga dirinya meningkat. Ini kerana, kepuasan hidup secara amnya dipengaruhi oleh harga diri.

### **iv. Krisis dan Komitmen Identiti Remaja**

Dalam aspek sosial, remaja mencari identiti dan mempunyai keinginan untuk bebas daripada kongkongan ibu bapa, untuk berdikari dan untuk membuat apa-apa yang disukainya tetapi dalam masa yang sama memerlukan bimbingan terutamanya dari segi kewangan dan tempat tinggal. Usaha remaja mencari identiti mungkin menjadi amat sukar dengan terdapatnya berbagai-bagai pilihan nilai dalam diri remaja tentang masa hadapan mereka. Seltzer dan Waterman (1996), menjelaskan wujud '*frameworklessness*' dalam hidup remaja, iaitu keadaan sementara di mana terdapat kekurangan panduan, arahan dan batasan dalam kehidupan.

'*Frameworklessness*' bermula dengan perubahan fizikal diri remaja yang drastik dan tidak pasti tentang masa depan. Mereka menjadikan rakan sebaya sebagai rujukan untuk mencari identiti dan masa depan dan tempat melafazkan fikiran dan emosi. Seltzer dan Waterman (1996) seterusnya menyatakan dalam zaman remaja wujud '*peership*' iaitu persahabatan yang unik kepada remaja. Rakan sebaya berumur lebih kurang sama dengan remaja tersebut yang terdiri daripada rakan persekolahan, rakan yang tinggal di kawasan perumahan yang sama, rakan-rakan dalam aktiviti riadah dan sukan yang sama. Oleh itu rakan sebaya menjadi kumpulan rujukan psikologikal remaja apabila remaja memerlukan pemisahan dari kongkongan ibu bapa untuk menjadi dewasa.

CONTINUE...